

IQRA'


Bil. 2/2022

FEBRUARI

eISBN : 2735-1920



Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik
PTAR Shah Alam - muka 5



Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital Bersama Koordinator Program Francais
PTAR Shah Alam - muka 10



Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor
PTAR Puncak Alam - muka 11



Program CSR Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus K. Terengganu Di SMK Sultan Omar, Dungun
PTAR Dungun - muka 18



Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021/2022 Ke PTAR Kampus Seri Iskandar
PTAR Seri Iskandar - muka 21

PROMOSI@PTAR



Kata alu-aluan Ketua Timbalan Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman

Ketua Timbalan Pustakawan UiTM

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian . Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada ber cetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Timbalan Pustakawan.
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan UiTM.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Sidang Redaksi

IQRA'

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kasim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Muhammad Azim A'nsori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azhar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Cik Nordiana Tukijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PRA BENGKEL KAJIAN SEMULA PERANCANGAN STRATEGIK PTAR SHAH ALAM TAHUN 2022
4 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Demi memastikan petunjuk prestasi utama dan petunjuk prestasi PTAR berada pada asas yang kukuh dan mampu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Pentadbiran Organisasi (JPO) telah mengajurkan Pra Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik 2022. Bengkel yang telah diadakan pada 4 Februari 2022 ini telah dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua unit PTAR Shah Alam bertujuan untuk semakan semula dan penambahbaikan di tahun 2022 berkaitan perancangan strategik PTAR ke arah GRU 2025 (Globally Renowned University 2025).

Hasil daripada pra bengkel ini akan dibawa ke Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM ke Arah Mencapai Globally Renowned University 2025 pada 8 hingga 10 Februari 2022 yang akan dihadiri oleh semua staf profesional PTAR termasuklah dari PTAR cawangan. Semoga dengan penganjuran pra bengkel ini akan memberi impak yang dikehendaki di Bengkel Kajian Semula nanti.



**BENGKEL KAJIAN SEMULA PERANCANGAN STRATEGIK 2022
8 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Bertempat di Dewan Serbaguna Kolej Seroja UiTM Shah Alam telah berlangsung Bengkel Kajian Semula Perancangan Strategik 2022 Perpustakaan UiTM. Bengkel selama tiga hari bermula 8 Februari 2022 telah menerima kehadiran peserta seramai 96 orang staf profesional perpustakaan yang terdiri daripada pemangku Ketua Pustakawan, Ketua Perpustakaan Cawangan, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, Ketua Perpustakaan Fakulti dan pustakawan UiTM.

Bengkel ini telah dimulai dengan ucapan Encik Jamalludin Sulaiman, pemangku Ketua Pustakawan yang telah menekankan tentang halatuju perancangan strategik (PS) PTAR iaitu ke arah GRU 2025 (Globally Renowned University) sebagaimana halatuju UiTM. Oleh itu, tiga petunjuk prestasi utama dan empat puluh tujuh petunjuk prestasi PUiTM yang telah ditetapkan sejak tahun 2020 akan terus menyumbang kepada pencapaian GRU 2025. Disamping itu, beberapa fokus utama menjadi intipati ucapan beliau termasuklah penulisan dikalangan pustakawan, program galakan membaca dan program khidmat masyarakat yang bermatlamat ke arah ketampakan fungsi dan perkongsian kepakaran di kalangan masyarakat luar.

Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM (PUiTM) 2020–2025 yang memasuki tahun ketiga pelaksanaannya ini telah diukur dan dibentangkan pencapaian oleh Puan Azura Mohamad Hashim, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik PTAR.

Para peserta bengkel ini telah dibahagikan mengikut kumpulan lima jabatan dalaman PTAR dan telah membincangkan strategi tahun 2022 berupa projek inisiatif, aktiviti mahupun program yang akan menyokong kepada pencapaian GRU 2025.

Bengkel ini akan diakhiri dengan sesi pembentangan oleh setiap kumpulan sebagai simbolik pengakhiran bengkel.



**LAWATAN TANDA ARAS SISTEM DIGITAL PTAR OLEH
BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)
9 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



PTAR amat berbesar hati apabila telah menerima lawatan tanda aras kali kedua daripada Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP), KKM yang diketuai oleh Encik Mohd Amin Yaakob, Ketua Penolong Pengarah Kanan diiringi sebelas orang pegawai.

Pada sesi lawatan bertarikh 9 Februari 2022 (Rabu) jam 10:00 pagi, fokus lawatan BKRP ialah kecemerlangan projek inovasi PTAR terutama teknologi pendigitalan dan pemodenan pengurusan dokumen dan arkib. Maklumat berkaitan lawatan kali pertama boleh didapati di Blogspot Perpustakaan UiTM atau imbas kod QR di bawah:



Satu sesi taklimat telah disampaikan oleh Tuan Haji Azizi bin Jantan, Ketua Jabatan Perpustakaan Digital PTAR. Para pelawat sambil diiringi oleh staf PTAR telah dibawa melawat ke Galeri Tun Abdul Razak, ruang kerja repositori institusi. Di akhir sesi lawatan ini, kedua-dua pihak saling bertukar cenderamata sebagai tanda kenang-kenangan dan penghargaan.

Semoga sesi lawatan ini membuka peluang perkongsian kepakaran dan maklumat serta ketampakan PTAR di luar UiTM.

**LIVE@PTAR BICARA PAKAR: KOMUNIKASI WARISAN;
MENGKOMUNIKASIKAN SEJARAH PERJUANGAN BANGSA
25 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Untuk menonton semula:



Live@PTAR Bicara Pakar tahun 2022 bermula dengan topik Komunikasi Warisan: Mengkomunikasikan Sejarah Perjuangan Bangsa bersama Profesor Dato' Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri bin Ahmad, Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Program ini telah berlangsung pada 25 Februari 2022, Jumaat pada jam 10:00 pagi. Program yang menampilkan Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz selaku moderator, membincarkan komunikasi warisan dalam konteks perjuangan bangsa.

Antara petikan menarik program bicara pakar ini apabila Dr. Abdul Mua'ti memetik pernyataan seorang penulis buku berjudul Architects of Deception – Secret History of Freemasonry oleh Juri Lina, yang menyatakan bahawa ada tiga cara untuk melemahkan dan menjajah sesuatu negeri iaitu pertama, kaburkan sejarahnya; kedua, hancurkan buku-buku sejarahnya sehingga tidak lagi diteliti dan dibuktikan kebenarannya; ketiga, putuskan mereka dengan leluhur dengan mengatakan leluhurnya itu bodoh dan sebagainya.

Topik menarik ini telah disampaikan secara berkesan sehingga berjaya menarik penonton seramai 4,949 orang penonton.



**SELAMAT DATANG STAF PTAR SHAH ALAM KEPADA
ENCIK MUHAMMAD FIKREE BIN RAHMAT
8 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Nama: Muhammad Fikree bin Rahmat

Jawatan (Gred): Jurufoto (B19)

Penempatan Bertugas: Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, PTAR, UiTM Shah Alam

*Kelayakan Akademik: Bachelor of Creative Tech. (Hons.)
Screen / Diploma in Graphic Design*

Negeri Kelahiran: Selangor

Kemahiran: Fotografi, Videografi, Suntingan Foto/Video

Emel: fikreemuhammad@gmail.com

Nombor Telefon (Pejabat): 03-5544 3755

**SELAMAT DATANG STAF PTAR SHAH ALAM KEPADA
CIK UMMI HALIMATUNSSAADIYYAH SHAMSUL YUZLI
15 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Nama: Ummi Halimatunssadiyyah Shamsul Yuzli

Jawatan (Gred): Pustakawan (S41)

*Penempatan Bertugas: Unit Sumber Kandungan Digital, Bahagian Sistem
Repositori dan Sumber Pendidikan Terbuka, Jabatan Perpustakaan
Digital, PTAR Shah Alam*

*Kelayakan Akademik: Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan, UiTM*

Negeri Kelahiran: Kuala Langat, Selangor

Kemahiran:

- Mahir menggunakan perisian Canva dan Piktochart.
- Mempunyai pengalaman menggunakan perisian Powtoon untuk penghasilan video.

Emel: ummi92_official@yahoo.com

Nombor Telefon (Pejabat): 03-5544 3756

**TAKLIMAT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL
BERSAMA KOORDINATOR PROGRAM FRANCAIS,
UNIVERSITI ANTARABANGSA QAIWAN, IRAQ
16 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Sinergi antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bersama Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) dizahirkan menerusi penglibatan PTAR di dalam Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital pada Rabu, 16 Februari 2022. Sesi taklimat menerusi aplikasi Zoom ini telah dihadiri oleh lapan orang peserta daripada iCEPS dan Universiti Antarabangsa Qaiwan seperti berikut:

1. Kanar Roshen Tariq – Koordinator, Program Francais UiTM
2. Zhyar Yassin Abdullah
3. Muhammed Nawzad M. Ramzi
4. Pesheen Mustafa Hussein
5. Noor Syamimi Zakaria – Penolong Pendaftar
6. Zainal Izuddin Saharudin – Pegawai Eksekutif (Antarabangsa)
7. Hasfarizatul Akmal Hassan
8. Aishah Najiha Johari

Objektif penganjuran sesi taklimat ini bertujuan memperkenalkan kemudahan perpustakaan digital PTAR seperti pangkalan data atas talian, kertas soalan, eBook, Open Access Discovery, Repotori Institusi UiTM, Hub Kandungan Tempatan, MyKM (My Knowledge Management) dan Live Chat With Librarian. Turut didedahkan kemudahan lain UiTM yang menyokong pembelajaran jarak jauh separuh masa seperti kandungan digital pembelajaran terbuka atau LMS (Learning Management System), VLE (Virtual Learning Environment), iClass dan Ufuture serta MOOCs (Massive Open Online Courses). Slot taklimat PTAR selama satu jam ini telah disampaikan oleh Tuan Hj. Ahmad Faizar Jaafar disamping moderator Encik Mohamad Faris Ismat Jaafar.

Penganjuran taklimat oleh iCEPS ini ialah sebahagian usaha jalinan kerjasama francais zon timur tengah antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Antarabangsa Qaiwan bertarikh 14 September 2020. Sebagai rekod, terdapat lima program perubatan UiTM telah ditawarkan oleh Universiti Antarabangsa Qaiwan pada sesi akademik 2020-2021 yang lalu iaitu: 1. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (DS240), 2. Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (HS246), 3. Sarjana Muda Pengimejan Perubatan (Kepujian)(HS242), 4. Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan (Kepujian)(HS241) dan 5. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) (CS240).

Semoga pendedahan terhadap kemudahan perpustakaan digital PTAR ini memberi manfaat perkongsian pengetahuan dan kemahiran di kalangan pengurus program francais UiTM dan Universiti Antarabangsa Qaiwan ini.

**MAJLIS APRESIASI STAF PTAR UiTM CAWANGAN
SELANGOR 2021
4 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Hazrul Amir Tomyang

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR**



Pada 4 Februari 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan Majlis Apresiasi Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor 2021. Program ini adalah anjuran bersama Kelab Kebajikan Staf PTAR UiTM Cawangan Selangor. Objektif penganjuran majlis ini adalah menghargai pencapaian dan penglibatan staf PTAR UiTM Cawangan Selangor dalam perkhidmatan, meningkatkan semangat dan motivasi kepada para staf untuk meperbaiki pencapaian dan penglibatan mereka pada masa akan hadapan serta menyemarakkan hubungan silaturrahim antara para staf.

Staf yang menghadiri majlis tersebut meliputi staf daripada Kampus Puncak Alam, Kompleks Alam Bina, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Dengkil. Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang Berbahagia Ts. Mohamad Hamidi Mohd Jais – Ketua Timbalan Pustakawan merangkap penaung Kelab Kebajikan Staf PTAR UCS. Persembahan nyanyian daripada bakat staf turut ditampilkan dalam majlis ini.

Dalam majlis tersebut, pelbagai anugerah telah disampaikan. Seramai 19 orang penerima Anugerah Staf Yang Telah Berkhidmat Melebihi 15, 20, 25 dan 35 tahun. Selain itu, terdapat anugerah-anugerah lain yang telah disampaikan, antaranya Anugerah Staf Berpotensi, Anugerah Staf Kreatif dan Inovatif dan Anugerah Pentadbir Terbilang.

Majlis ini dapat dijalankan dengan lancar dan telah mencapai objektif yang dinyatakan. Kerjasama daripada setiap ahli jawatankuasa dalam memastikan majlis ini berjalan amat dihargai.



**COFFEE TALK BERSAMA KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
23 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Nur Fatihah Muhamad

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR**



Coffee Talk

**KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

23 Februari 2022 (Rabu)
10:00 Pagi - 11:30 Pagi
Google Meet:
<https://meet.google.com/gyu-gfzv-zyp>



UiTM di setiap PTAR
LIBRARY for ALL

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Pada 23 Februari 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam telah menganjurkan satu sesi Coffee Talk bersama Ketua Timbalan Pustakawan UiTM Cawangan Selangor, Ts. Mohamad Hamidi bin Mohd Jais. Objektif program ini dijalankan adalah untuk berkongsi maklumat terkini berkenaan dengan pencapaian serta perancangan strategik perpustakaan di samping untuk menyuntik semangat dan motivasi bekerja berpasukan kepada para staf bagi memastikan pencapaian dan penglibatan mereka dapat dipertingkatkan lagi dimasa akan datang.

Staf yang terlibat dengan program ini merangkumi staf dari PTAR seluruh Cawangan Selangor iaitu PTAR Kampus Puncak Alam, PTAR Kompleks Alam Bina, PTAR Kampus Puncak Perdana, PTAR Kampus Sungai Buloh, PTAR Kampus Teluk Intan, PTAR Kampus Selayang dan PTAR Kampus Dengkil. Program ini berjalan selama 1 jam 30 minit menggunakan platform Google Meet.

Program seperti ini meninggalkan kesan yang amat positif di kalangan para staf perpustakaan yang mana mereka dapat memberi pendapat dan pandangan secara terus kepada Ketua Timbalan Pustakawan. Oleh itu, program seperti ini akan diteruskan lagi di masa akan datang.


PROGRAM LIBRARY OUTREACH PTAR KE BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI, CAWANGAN MELAKA

23 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA




PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach PTAR ke Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Cawangan Melaka pada 23 Februari 2022 (Rabu), bermula jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Program ini telah diadakan melalui medium Cisco Webex dan seramai 33 orang peserta dari kalangan staf PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Cawangan Melaka.

Objektif utama lawatan ini adalah :

1. Memperkenalkan perkhidmatan PTAR UiTM Cawangan Melaka khususnya Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan
2. Membincangkan dan mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpus-takaan yang diperlukan
3. Laporan Perkembangan Proses Pengumpulan Profil Data Penyelidik UiTM Cawangan Melaka
4. Perbincangan dua hala kerjasama antara PTAR dan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Cawangan Melaka

PTAR UiTM Cawangan Melaka mengucapkan setinggi terima kasih atas kesudian hadir Dr. Nur Hayati Abdul Rahman, Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, Dr. Shafaf Ibrahim, Koordinator Jurnal dan Penerbitan Universiti, Dr. Khairunnisa Abd Samad, Penyelaras Integriti Penyelidikan dan Encik Abdul Qayyum Abdul Razak, Penyelaras Data Penerbitan dan Jaringan Industri. Melalui sesi ini, PTAR sebagai sebuah perpustakaan akademik menaruh harapan tinggi agar dapat terus memainkan peranan penting bagi memastikan penyediaan perkhidmatan memenuhi teras UiTM dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.





Untuk ke pautan
pameran maya:



*Terbang tinggi si burung Tukang,
Hinggap sebentar di atas dahan
Keris dan pedang bukan sebarang,
Senjata pahlawan zaman-berzaman.*

*Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya
Melaka telah menjalankan pameran maya bertajuk "Peresenjataan Alam
Melayu: Sejarah, Warisan dan Budaya Mengenai KERIS*

Keris ialah sejenis senjata tikam bermata dua secara umumnya digunakan untuk mempertahankan diri (misalnya sewaktu bersilat) dan mulanya digunakan sebagai alat kebesaran diraja. Di dalam Alam Melayu terdapat pelbagai senjata yang dihasilkan dan digunakan oleh orang Melayu. Keris merupakan satu senjata yang paling popular dan dikaitkan dengan etnik Melayu. Kisah kepahlawanan Laksamana Hang Tuah dan Keris Tamangsari serta penonjolan penggunaan keris dalam pementasan bangsawan, filem-filem Melayu lama. Penggunaan keris sebagai alat kebesaran diraja oleh Raja dan Sultan serta perlambangan oleh raja sehari menjadikan keris sebagai satu senjata Melayu yang unik dan begitu istimewa bagi etnik Melayu di Kepulauan Nusantara khususnya. Keris telah diiktiraf sebagai Karya Agung Warisan Budaya Kemanusiaan Lisan dan Tidak Ketara oleh UNESCO sejak 2005.

Kehebatan pembuatan senjata di Alam Melayu telah direkodkan dalam sejarah negeri Kedah Pada pedang ini terdapat ikon naga dan jentayu yang membuktikan bahawa pedang ini dan banyak pedang para sahabat serta pedang-pedang terbaik datang dari sebelah dunia Timur. Fakta sejarah ini menunjukkan Alam Melayu sudah pun terkenal dengan pembuatan senjata dari besi seperti pedang di satu kawasan antara India dan China yang dikenali sebagai Qal'atau Kalah atau Kedah Tua.

Dokumentasi mengenai peresenjataan Melayu boleh didapati di Leiden, Belanda dan juga terdapat di perpustakaan di London yang menghimpunkan manuskrip Melayu lama. Maklumat mengenai peresenjataan Melayu dan teknologi pembuatan ini tidak banyak terdedah kepada rakyat di negara ini khususnya

Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Vitual Exhibition.

**PAMERAN MAYA: SEJARAH MATA WANG MALAYSIA
(DUIT SYILING DAN WANG KERTAS MALAYSIA LAMA)**
22 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Untuk ke pautan
pameran maya:



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah menjalankan pameran maya yang bertajuk "Sejarah Mata Wang Malaysia (Duit Syiling dan Wang Kertas Malaysia Lama)". Jom ketahui sejarah mata wang Malaysia serta perkongsian mengenai wang kertas lama dan juga sejarah duit syiling. Pernah tak terfikir tentang duit kita masa kecil dulu, berbeza dengan sekarang, bukan? Tahukah anda juga dulu kita ada not wang RM1000 sekeping? Mesti menarik kalau kita selusuri sejarah evolusi matawang di Malaysia! Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Vitual Exhibition.

PAMERAN MAYA: HIKAYAT MELAYU KLASIK
22 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Manuskrip Melayu ialah karya yang bertulis tangan terutama dalam tulisan jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke 16 sehingga awal kurun ke-20 dalam Bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan Ketamadun Melayu. Ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi kepelbagaiannya bidang perkara seperti kesusastraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan serta azimat dan petua.

Hikayat Melayu Klasik merupakan salah satu bidang kesusteraan Melayu silam. Cerita-cerita hikayat biasanya berbentuk panjang dan menceritakan mengenai seseorang atau kejadian yang penting. Pada kebiasaannya cerita hikayat adalah warisan dari penceritaan secara lisan, dengan itu ia mengekalkan format penceritaan lisan. Kebanyakan cerita hikayat ditulis dalam bentuk di mana, pembaca akan membacanya secara kuat untuk didengari oleh pendengar. Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Vitual Exhibition.

Untuk ke pautan
pameran maya:



PAMERAN MAYA: SEJARAH DAN ASAL USUL TAHUN BARU CINA

1 - 2 FEBRUARI 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS JASIN, MELAKA

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk "Sejarah dan Asal Usul Tahun Baru Cina". Pameran ini diadakan sempena sambutan Tahun Baru Cina 2022 pada 1 & 2 Februari 2022. Objektif pameran ini diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada semua warga UiTM dan rakyat Malaysia mengenai sejarah dan asal usul Tahun Baru Cina yang merupakan salah satu perayaan yang diraikan dalam Malaysia. Objektif kedua pameran ini diadakan adalah bagi mengenali adat budaya masyarakat cina semasa sambutan perayaan Tahun Baru Cina. Selain itu, secara tidak langsung pameran ini dapat menerapkan dan menggalakkan budaya membaca dikalangan rakyat Malaysia. Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Vitual Exhibition.

Untuk ke pautan pameran maya:



SESI PERKONGSIAN ILMU: LATIHAN SANGKUT DI JABATAN ARKIB UNIVERSITI (JAU) 22 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQR**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



Pengisian Sesi Perkongsian Ilmu: Latihan Sangkut Di Jabatan Arkib Universiti adalah seperti berikut:


- Lawatan Penandaaranan
- Lawatan Penandaaranan
- Pengurusan Rekod & Fail
- Pelantikan Pengurus Rekod
- Pelupusan Rekod Awam & Kewangan
- Pengurusan Rekod Kendiri PTJ
- Penerimaan Rekod Penting Universiti
- Pendaftaran Rekod Penting Ke AMS
- Cetak Label Bahan & Label Kotak (QR Kod)
- Pengeyahan Bendasing Bahan Arkib
- Pendigitalan Bahan Arkib
- Unit Penyelidikan dan Dokumentasi JAU
- Repotori Khazanah Melayu
- Repotori e-Gallery UiTM
- Lawatan Ke GTAR, UiTM Shah Alam
- Rumusan



Pada 22 Februari 2022 Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Sesi Perkongsian Ilmu: Latihan Sangkut Di Jabatan Arkib Universiti (JAU) bersama semua staf PTAR UiTM Cawangan Melaka. Sesi ini dijalankan secara atas talian selama 2 jam melalui platform Cisco Webex. Penerangan mengenai pengurusan rekod universiti ini telah disampaikan oleh semua staf Unit Arkib Cawangan Melaka (UACM) yang diketuai oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman.

Sepanjang Latihan Sangkut segala perkongsian maklumat dan masalah dalam setiap proses kerja telah dapat dibincangkan dan diselesaikan bagi memudahkan proses kerja yang akan dijalankan bagi menyokong PTAR dalam Pembangunan Arkib Universiti dan memantapkan lagi Pengurusan Rekod Universiti bagi seluruh UiTM.

Objektif UACM menjalani latihan sangkut ini bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan memantapkan lagi kemahiran dan kompetensi staf UACM dengan proses-proses pengurusan rekod dan arkib, klasifikasi fail, perolehan dan penerimaan rekod penting, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan, rujukan dan penyelidikan bahan dan lain-lain fungsi yang berkaitan dengan proses kerja Arkib adalah tercapai.



**PROGRAM CSR PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCT
KAMPUS KUALA TERENGGANU DI SMK SULTAN OMAR, DUNGUN**
22 FEBRUARI 2022

**BULETIN
IQRA**

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU**




Pada 22 Februari 2022, Perpustakaan Cendekianan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan sesi penyerahan sumbangan bahan bacaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Dungun. Sumbangan bahan bacaan tersebut disampaikan oleh Professor Madya Wan Dorishah Wan Manan, Penolong Rektor UiTMCT Kampus Kuala Terengganu kepada wakil sekolah iaitu Tuan Haji Che Rashid Sulong, Pengetua SMK Sultan Omar dan disaksikan oleh Ts. Dr. Rajeswari Raju, Koordinator Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Cik Nurmaisari Che Anuar, Pustakawan Kampus Kuala Terengganu.

Objektif utama program ini adalah untuk menjalankan kerjasama UiTM bersama warga sekolah terutamanya guru dan pelajar. Pihak Perpustakaan Cendekianan UiTMCT Kuala Terengganu amat berbesar hati kerana dapat menyumbang bahan-bahan bacaan kepada pihak sekolah untuk keperluan pelajar-pelajar sekolah dan dapat dijadikan sebagai rujukan pembelajaran dalam menyokong meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar sekolah.

Inisiatif ini juga dapat mengeratkan jalinan ukhwah dan jaringan yang terjalin antara dua organisasi agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang berimpak tinggi pada masa hadapan. Antara matlamat program ini dilaksanakan untuk menyumbang keperluan kepada sekolah-sekolah yang kekurangan sumber rujukan atau bahan dan ditempatkan di Pusat Sumber Sekolah sebagai rujukan kepada pelajar.

Semoga usaha yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan semoga ikatan antara dua pihak sentiasa berterusan.



KUNJUNGAN HORMAT DATUK REKTOR BERSAMA PTAR SABAH KE PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (PNS)

15 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Sharmila binti Tawakkal

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KOTA KINABALU, SABAH



Pada 15 Februari 2022, PTAR Sabah yang telah diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan, En. Romi Rampun @ Ramlan bersama-sama dengan Rektor UiTM Cawangan Sabah, YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Roseline telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah, Pn. Hajah Fatimah Abdillah.

Antara tujuan utama kunjungan hormat berkenaan adalah memaklumkan perkhidmatan baharu yang disediakan di PTAR Cawangan Sabah iaitu perkhidmatan rawatan buku nadir & fail (Fumigasi). Selain itu, ini juga untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara dua pihak.





Pada 16 Februari 2022 (Rabu), PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima lawatan daripada Program Sarjana Muda Sains Senibina (Kepujian) (AP243). Untuk makluman tambahan, AP243 telah memohon untuk di akreditasi bagi tempoh 5 tahun iaitu daripada 2022-2027 pada bulan Oktober 2022.

Tujuan lawatan ringkas ini diadakan adalah untuk mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Lawatan ini turut dihadiri oleh 2 orang panel jemputan Program Design Review AP243 iaitu Prof. Dr Ahmad Sanusi Hassan dan Dato' Ar. Hj. Zulkhairi Md Zain.

Sepanjang sesi lawatan ini, Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan dan Puan Nur Aqilah binti Russli membantu memberi penerangan dan taklimat ringkas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna. Prof. Dr. Ahmad Sanusi Hassan dan Dato' Ar. Hj. Zulkhairi Md Zain turut dibawa melawati sekitar PTAR Kampus Seri Iskandar khususnya Kaunter Utama, Bilik ICT, Kaunter Rujukan dan Bilik Koleksi Bahan Binaan.

Di akhir lawatan, panel dibawa ke Unit Pemuliharaan Bahan yang terletak di aras bawah perpustakaan. Encik Mohd Eddy Masrizun bin Nayan, Pembantu Pemuliharaan Kanan memberikan taklimat ringkas tentang proses baik pulih buku rosak dan juga bahan-bahan yang digunakan dalam proses tersebut.





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Perak sesi 2021/2022 pada 21 Februari 2022. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Yang di-Pertua MPP, Che Mohamad Haniff bin Che Khalid bertujuan memperkenalkan lantikan baharu MPP bagi sesi kali ini.

Dalam pertemuan singkat ini, perbincangan dua hala antara MPP dan juga pihak PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar melibatkan perkara berkaitan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar. Secara tidak langsung, input daripada perbincangan ini dapat menambah baik perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna pada masa hadapan. Diharap perjumpaan ini mampu memberikan impak yang positif kepada kedua-dua pihak dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan kepada semua warga UiTM Cawangan Perak.



**MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR PRAKTIKAL PTAR
UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH
6 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Nur Dayana Mohd Narwawi

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS TAPAH, PERAK**



Pada 6 September 2021, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menerima seorang pelajar praktikal dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana. Pelajar tersebut, Khairun Bariah binti Ridzuan yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Pusat Sumber.

Sepanjang tempoh menjalani latihan industri di PTAR Kampus Tapah, pelbagai pendedahan telah diberikan terutamanya mengenai proses kerja di perpustakaan. Selain itu, pelajar praktikal juga diberi peluang untuk menglibatkan diri dengan program Library Outreach di samping diberikan tanggungjawab untuk mereka bentuk poster hebahan promosi PTAR Kampus Tapah.

Latihan industri selama 6 bulan telah berakhir pada 6 Februari 2022. Sebagai tanda penghargaan dan kenangan, pihak PTAR Kampus Tapah telah mengadakan Majlis Perpisahan buat pelajar praktikal tersebut. Selamat maju jaya diucapkan kepada Khairun Bariah binti Ridzuan.

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh hamba menumpang mandi,
Jika ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.*




PAMERAN MAYA: VAKSIN
23 FEBRUARI 2022

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS TAPAH, PERAK

Disediakan oleh: Nur Dayana Mohd Narwawi



**Untuk ke pautan
pameran maya:**



Seperti yang kita sedia maklum, seluruh dunia terkesan dari pelbagai aspek kehidupan dengan tersebarnya virus Covid-19. Pelbagai kajian telah diadakan bagi membendung penularan wabak ini termasuk kajian mengenai vaksin. Proses kajian dan penghasilan vaksin giat dijalankan oleh pakar dalam usaha mengembalikan kehidupan masyarakat seperti sedia kala.

Namun begitu, adakah kita mempunyai pengetahuan yang tepat mengenai vaksin Covid-19 ini? Adakah vaksin selamat dan berupaya dalam melindungi kita daripada virus khususnya Covid-19? Untuk maklumat lanjut, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menyediakan pameran maya mengenai Vaksin.

**LAWATAN KERJA NAIB CANSELOR KE UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH
22 FEBRUARI 2022**

Disediakan oleh: Nur Dayana Mohd Narwawi

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS TAPAH, PERAK**



Pada 22 Februari 2022 (Selasa), Naib Canselor, Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor telah mengadakan lawatan kerja ke UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Warga UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah berpeluang untuk beramah mesra dengan Naib Canselor sepanjang lawatan kerja diadakan.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Tapah adalah di antara lokasi yang telah dilawat oleh Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor di samping lawatan ke Kolej, Makmal dan Ladang Kontan. Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor telah dibawa untuk meninjau pemandangan sekitar kawasan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah dari Research Garden di Aras 3 PTAR Kampus Tapah. Di samping itu, beberapa maklumat turut disampaikan kepada Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor seperti fungsi Research Garden, perkhidmatan PTAR Kampus Tapah dan sebagainya.

Sebelum berakhirnya lawatan kerja ini, sesi bergambar bersama Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor bersama Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Perak telah diadakan di hadapan pintu utama PTAR Kampus Tapah. Di samping itu, Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor turut sudi menyampaikan buku beliau yang bertajuk *Managing University Data for Quality : From the Lens of a Practitioner* kepada Pustakawan Kanan PTAR Kampus Tapah, Puan Nur Aida Rousli.



**LAWATAN PEMERIKSA LUAR BAGI TUJUAN PENGIKTIRAFAN
PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK KE PTAR UiTMCPP**
16 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG



Pada 16 Februari 2022, PTAR UiTMCPP telah menerima kehadiran Prof. Dr. Badri Abu Bakar dari UniKL sebagai pemeriksa luar bagi tujuan pengiktirafan Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) CEEE111 dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) CEEE112. Beliau telah diiringi oleh beberapa orang wakil daripada Kolej Kejuruteraan Elektrik UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sepanjang hampir 45 minit lawatan oleh Prof. Dr. Badri Abu Bakar, beliau telah dibawa melawat sekitar PTAR untuk melihat sendiri perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR kepada pengguna. Taklimat ringkas mengenai PTAR telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTMCPP dan diiringi oleh Puan Hayati Mokhtaram, Timbalan Ketua Pustakawan dan Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pustakawan Kanan dari Unit Perkhidmatan Pelanggan sepanjang lawatan berlangsung. Profesor Dr. Badri Abu Bakar turut berkongsi pandangan tentang cabaran perpustakaan masa kini dan kerelevan bahan-bahan di perpustakaan untuk kegunaan pengguna.

Sebelum berangkat meneruskan lawatan ke Bahagian Hal Ehwal Akademik, Profesor Dr. Badri sempat menandatangani buku pelawat PTAR UiTMCPP dan bergambar kenang-kenangan bersama Timbalan Ketua Pustakawan dan wakil-wakil yang lain.



LAWATAN KOLEJ VOKASIONAL CHENOR

22 FEBRUARI 2022

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG**

Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz



Pada 22 Februari 2022 (Selasa), pihak Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka, berbesar hati telah menerima lawatan daripada Kolej Vokasional Chenor Pahang.

Lawatan terdiri daripada 22 orang tenaga pengajar Kolej Vokasional Chenor. Lawatan ini telah memberi satu jalinan kolaborasi antara dua pihak di mana semua pelawat telah mendaftar sebagai ahli luar perpustakaan dan sekaligus layak menggunakan perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Al-Bukhari termasuk peminjaman bahan sebagai bahan rujukan untuk sesi pembelajaran dan pengajaran mereka.

Dalam sesi lawatan ini, Encik Fadhl bin Samsudin, Pustakawan Kanan di Perpustakaan Al-Bukhari telah memberi taklimat ringkas dalam proses pencarian bahan. Staf unit perkhidmatan pelanggan juga tidak melepaskan peluang membantu tenaga pengajar Kolej Vokasional Chenor dalam pencarian bahan tersebut.

Hasil lawatan ini dapat menyokong SDG 4: "Quality Education" serta SDG 17: "Partnerships For The Goals" yang mana memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.



PROGRAM PAB ENGLISH CLASS: PROFESSIONAL ENGLISH

28 FEBRUARI 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Bt Aziz

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG

Program kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang bersama Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Pahang telah berjaya diadakan pada 28 Februari 2022 (Isnin) bermula pada jam 9.00 pagi, bertempat di ruang bacaan Perpustakaan Al-Bukhari.

"PAB English Class : Professional Communication" ini adalah merupakan program pembudayaan ilmu dan perkongsian pengetahuan bahasa yang melibatkan semua staf Perpustakaan. Program ini juga dibuka kepada warga kampus yang berminat untuk menyertai program ini.



Vitamin JIWA

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Perpustakaan Al-Bukhari Cawangan Pahang STAY CONNECTED ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

PAB ENGLISH CLASS: PROFESSIONAL ENGLISH

28 FEBRUARI 2022 (ISNIN) | 9.00 PAGI - 4.30 PETANG

TEMPAT: RUANG BACAAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UiTM CAWANGAN PAHANG
ANJURAN: PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI UiTM CAWANGAN PAHANG

PRONUNCIATION

SLOT 1:

- YM. Dr. Tengku Intan Suzila Tengku Sharif (Pensyarah Kanan)
- Rahimah Abd Wahab (Pensyarah Kanan)
- Farahiya Zalikha Zakaria (Pensyarah)
- Nurus Syahidah Tahreb (Pensyarah)

Ketua Fasilitator Khairunisa Nikman

ENGLISH FOR PROFESSIONAL COMMUNICATION

SLOT 2:

- Norzie Diana Baharum (Pensyarah Kanan)
- Azlini Razali (Pensyarah)
- Suzaini Harmiruslin Supian (Pensyarah)
- Norhidayah Md Yusof (Pensyarah)

SEBAGAI PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :
09-4602101
Pn.Mazerina
Kerani Kanan

4 GOALS & EDUCATION 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS
Unleashing Potentials Shaping the Future

<https://pahang.library.uitm.edu.my/>

Selain itu, program ini juga boleh dijadikan sebagai satu kaedah penambahbaikan keberkesanan komunikasi staf yang bertugas di kaunter-kaunter UiTM Cawangan Pahang. Program diketuai oleh Puan Khairunisa Nikman (Pensyarah) dibantu bersama 8 fasilitator daripada Akademi Pengajian Bahasa.

Program PAB English Class terbahagi kepada dua Slot. Slot 1 PRONUNCIATION dan Slot 2 ENGLISH FOR PROFESSIONAL COMMUNICATION. Program ini adalah bagi merealisasikan SDG 4 Quality Education dan SDG 17 Partnerships For The Goals.





PROMOSI@PTAR

IQRA'

The screenshot shows the homepage of the 'UiTM Institutional Repository - Entrepreneurship Project'. The header features the university's logo and name. Below the header, a banner reads 'Discover our eResources' and 'UiTM Institutional Repository Entrepreneurship Project'. A text block explains the repository's purpose: 'Universiti Teknologi MARA Institutional Repository (UiTM IR) is a centre of digital collections, act as an open-access repository that collects, preserve and disseminates scholarly output by university members at Universiti Teknologi MARA (journal articles, book chapters, books, conference papers, theses, working papers, technical reports, data and other types of research publications and also unpublished manuscripts and papers)'.

Two QR codes are displayed: one for the 'UiTM Institutional Repository' (<https://ir.utm.edu.my/>) and another for the 'Entrepreneurship Project' (<https://bit.ly/3BqOO1m>). A 'SCAN ME' button is shown next to each QR code. The footer contains various logos and links, including 'STAY CONNECTED' with icons for social media and academic databases.

Discover our eResources UiTM Institutional Repository-Entrepreneurship Project

The screenshot shows the homepage for 'New Arrivals@PTAR Vol. 1 February'. It features a large smartphone displaying the text 'New Arrivals @PTAR'. The main banner has the text 'New Arrivals@PTAR VOL.1' and 'February'. A search bar with the URL '<https://bit.ly/3HBOgxg>' and a QR code are visible. A 'SCAN ME' button is located next to the QR code. The footer includes the university's logo, Perpustakaan Tun Abdul Razak, and the tagline 'Unleashing Potentials Shaping the Future'.

New Arrivals@PTAR Vol. 1 February



جامعة تunku عبد رازاق
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

